



Cagamas Berhad

PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2001



88	Laporan Pengarah
92	Kunci Kira-Kira
93	Penyata Pendapatan
94	Penyata Perubahan Ekuiti
95	Penyata Aliran Tunai
97	Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan
114	Penyata Pengarah
114	Akuan Berkanun
115	Laporan Juruaudit



Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka serta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Syarikat dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat juga membeli hutang pembiayaan rumah secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan berkenaan di sepanjang tahun.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Untung sebelum cukai dan zakat	165,072
Cukai	(46,629)
Zakat	(77)
<hr/>	
Untung bersih untuk tahun ini	118,366
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	268,446
<hr/>	
Untung yang boleh diagihkan	386,812
Pindahan dari rizab am	528,160
Dividen akhir (selepas cukai pendapatan sebanyak 28%) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000	(18,360)
Dividen interim (selepas cukai pendapatan sebanyak 28%) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001	(10,800)
<hr/>	
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	885,812

DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2000 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah tahun berkenaan, dividen kasar akhir sebanyak 17 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) dibayar pada 25 April 2001	18,360
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, dividen kasar interim sebanyak 10 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) dibayar pada 25 Oktober 2001	10,800
<hr/>	
	29,160

Para Pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen kasar akhir sebanyak 10 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) berjumlah RM10,800,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, bergantung kepada kelulusan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, akan dibayar pada 10 April 2002 kepada para pemegang syer yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat pada penutup perniagaan pada 20 March 2002.



RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan matan ke atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)

Tan Sri Dato' Azman Hashim

Datuk Tay Ah Lek

Dato' Tan Teong Hean

Datuk Amirsham A. Aziz

Lee Kam Chuen

Yvonne Chia

Dato' Huang Sin Cheng

Mohamed Azmi Mahmood

Md Agil Mohd Natt

Mohd Razif Abdul Kadir

Dr. Rozali Mohamad Ali

Kok Nam Soon

(meletak jawatan pada 13.8.2001)

Kamal Batcha Dawood

(meletak jawatan pada 18.9.2001)

Dato' Wan Ismail Abdul Rahman

(dilantik pada 18.1.2002)

Menurut Artikel Tataurusuan Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara mengikut giliran di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Dato' Huang Sin Cheng

Tan Sri Dato' Azman Hashim

Datuk Tay Ah Lek

Mohamed Azmi Mahmood

Menurut Artikel Tataurusuan Syarikat, Dato' Wan Ismail Abdul Rahman yang akan bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan dirinya untuk dipilih semula.

FAEDAH PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun, Syarikat tidak terlibat di dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah mendapat faedah melalui perolehan syer atau debentur Syarikat atau badan korporat lain.

Sejak akhir tahun yang lalu, tidak ada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima apa-apa faedah (selain daripada yang dinyatakan sebagai ganjaran Pengarah dalam Nota 19 kepada penyata kewangan) berasaskan kepada kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan Pengarah berkenaan atau dengan firma di mana Pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

KEPENTINGAN PENGARAH

Mengikut daftar pemegangan syer para Pengarah, Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syer Syarikat dan badan korporat yang berkaitan.



MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu, dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan terealisasi dalam urusan perniagaan biasa, nilainya yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya ke nilai yang dijangka boleh terealisasi.

Para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan pada tarikh laporan ini yang mungkin mengakibatkan:

- (a) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi secara hakikinya; atau
- (b) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang akan atau mungkin dikuat kuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun ini yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab tersebut apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran terhadap aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun tidak terjejas oleh sebarang butir, urusan niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa; dan
- (b) tiada timbul sebarang butir, urusan niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa dari akhir tahun hingga tarikh laporan ini yang boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat untuk tahun kewangan laporan ini disediakan.

URUS NIAGA DENGAN PIHAK YANG BERKAITAN

Kebanyakan urusan niaga yang melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dan hutang pembiayaan rumah secara Islam serta penerbitan sekuriti hutang tidak bercagar adalah dibuat secara tulus dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat, iaitu institusi-institusi kewangan yang mempunyai kaitan sebagai para pemegang syer Cagamas Berhad.

**JURUAUDIT**

Juruaudit Syarikat, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus menjadi juruaudit Syarikat.

Selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 1 Mac 2002.

ZETI AKHTAR AZIZ
PENGERUSI

AZMAN HASHIM
PENGARAH

**PADA 31 DISEMBER 2001**

	Nota	2001 RM'000	2000 RM'000
ASET			
Tunai dan dana jangka pendek	3	305,985	59,943
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	4	6,740	-
Jumlah terhutang dari rakan niaga	5	22,122,786	22,197,515
Sekuriti pelaburan	6	164,541	160,336
Hutang pembiayaan secara Islam	7	142,954	212,966
Aset-aset lain	8	66,036	59,406
Aset tetap	9	2,628	2,216
JUMLAH ASET		22,811,670	22,692,382
LIABILITI			
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	10	21,516,511	21,442,019
Cukai tertunda	11	4,820	3,074
Liabiliti-liabiliti lain	12	254,527	300,683
JUMLAH LIABILITI		21,775,858	21,745,776
MODAL SYER	13	150,000	150,000
RIZAB	14	885,812	796,606
DANA PEMEGANG SYER		1,035,812	946,606
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER		22,811,670	22,692,382
ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)	21	6.91	6.31

Nota-nota di muka surat 97 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001	Nota	2001 RM'000	2000 RM'000
PENDAPATAN FAEDAH	15	1,130,548	1,277,579
PERBELANJAAN FAEDAH	16	(963,666)	(1,084,482)
PENDAPATAN FAEDAH BERSIH		166,882	193,097
PENDAPATAN OPERASI SECARA ISLAM	27	681	575
PENDAPATAN BUKAN FAEDAH	17	5,130	11,316
PENDAPATAN BERSIH		172,693	204,988
PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN AM		(4,405)	(4,099)
KOS KAKITANGAN		(3,216)	(2,944)
UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	18	165,072	197,945
CUKAI	20	(46,629)	(56,074)
ZAKAT		(77)	(130)
UNTUNG BERSIH UNTUK TAHUN INI		118,366	141,741
PENDAPATAN SESYER (SEN)	21	78.9	94.5
DIVIDEN SESYER (SEN)	22	20	22

Nota-nota di muka surat 97 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

	Diterbitkan dan berbayar sepenuhnya syer biasa RM1 setiap satu		Boleh diagihkan			Jumlah RM '000
	Jumlah Syer RM '000	Nilai Nominal RM '000	Rizab Modal RM '000	Rizab Am RM '000	Perolehan Tertahan RM '000	
Baki pada 1 Januari 2000	100,000	100,000	9,160	444,000	257,105	810,265
Untung bersih untuk tahun ini	-	-	-	-	141,741	141,741
Dipermodalkan untuk terbitan syer bonus	50,000	50,000	-	-	(50,000)	-
Pindahan ke rizab am	-	-	(9,160)	84,160	(75,000)	-
Dividen						
Interim dibayar						
- 5 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	-	-	-	-	(5,400)	(5,400)
Baki pada 31 Disember 2000	150,000	150,000	-	528,160	268,446	946,606
Untung bersih untuk tahun ini	-	-	-	-	118,366	118,366
Pindahan ke rizab am	-	-	-	30,000	(30,000)	-
Pindahan ke perolehan tertahan	-	-	-	(558,160)	558,160	-
Dividen						
Akhir dibayar						
- 17 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	-	-	-	-	(18,360)	(18,360)
Interim dibayar						
- 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	-	-	-	-	(10,800)	(10,800)
Baki pada 31 Disember 2001	150,000	150,000	-	-	885,812	1,035,812

Nota-nota di muka surat 97 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

	2001 RM'000	2000 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN		
Untung sebelum cukai dan zakat	165,072	197,945
Pelarasan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dan yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan kesamaan tunai:		
Pendapatan terakru dari pelaburan secara Islam	(5,276)	(11,491)
Pendapatan faedah terakru dari pelaburan	(2,660)	(2,640)
Pendapatan faedah terakru dari swap kadar faedah	(12,296)	(9,502)
Susut nilai aset tetap	617	503
Pelunasan premium ke atas Sekuriti Kerajaan Malaysia	(247)	298
Laba ke atas pelupusan aset tetap	(90)	(95)
Untung kendalian sebelum perubahan modal kerja	145,120	175,018
Pengurangan/(Pertambahan) jumlah terhutang dari rakan niaga	144,742	(2,270,366)
Pertambahan bon dan nota pembawa tidak bercagar	74,493	2,071,987
(Pengurangan)/Pertambahan pemiutang	(46,103)	72,987
Pengurangan penghutang	5,836	2,647
Tunai hasil dari kegiatan kendalian	324,088	52,273
Pembayaran zakat	(130)	(118)
Pembayaran cukai	(57,078)	(61,436)
Tunai bersih hasil dari/(digunakan dalam) kegiatan kendalian	266,880	(9,281)
KEGIATAN PELABURAN		
Pembelian:		
Pelaburan	-	(13,349)
Aset tetap	(1,046)	(664)
Pendapatan diterima dari pelaburan secara Islam	280	320
Pendapatan faedah diterima dari pelaburan	2,660	2,640
Pendapatan faedah diterima dari swap kadar faedah	12,025	7,565
Hasil dari pelupusan pelaburan	1,038	1,643
Hasil dari pelupusan aset tetap	105	121
Penebusan pelaburan	-	10,000
Tunai bersih hasil dari kegiatan pelaburan	15,062	8,276

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

	2001 RM'000	2000 RM'000
KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Pembayaran dividen	(29,160)	(20,400)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(29,160)	(20,400)
Pertambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	252,782	(21,405)
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun	59,943	81,348
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun	312,725	59,943
Analisis tunai dan kesamaan tunai:		
Tunai dan dana jangka pendek	305,985	59,943
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan matang dalam tempoh tiga bulan	6,740	-
	312,725	59,943

Nota-nota di muka surat 97 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Syarikat dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat juga membeli hutang pembiayaan rumah secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan berkenaan di sepanjang tahun.

Jumlah pekerja Syarikat pada akhir tahun adalah seramai 53 (2000: 52).

Syarikat ini merupakan syarikat liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan ialah Tingkat 19, Bahagian Barat, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Dasar-dasar penting perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menguruskan perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan:

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan ini.

Penyata kewangan ini mematuhi piawai perakaunan yang berkaitan yang diluluskan di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan ini menggabungkan aktiviti berkaitan dengan operasi secara Islam Syarikat.

Operasi secara Islam Syarikat merujuk kepada pembelian hutang pembiayaan rumah secara Islam dari pemberi pembiayaan yang diluluskan dan penerbitan sekuriti hutang berlandaskan prinsip Islam, serta pembelian dan dagangan dalam instrumen kewangan Islam. Dalam perakaunan bagi operasi secara Islam, Syarikat telah mengubahsuai dasar perakaunan untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

(b) Jumlah terhutang dari rakan niaga

Nota 1 dalam penyata kewangan menjelaskan tentang kegiatan utama Syarikat, antaranya, membeli pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan (aset). Kegiatan ini juga dinyatakan di dalam fasal Memorandum dan Tataurusan Syarikat.

Menurut perjanjian undang-undang dengan pelbagai rakan niaga (termasuk institusi kewangan), Syarikat membeli aset tersebut dengan hak tuntutan balik. Aset berkenaan dahulunya diklasifikasikan sebagai "Pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan" di dalam kunci kira-kira.

Pada 31 Julai 2001, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan kepada semua institusi kewangan yang bertajuk "Tatacara perakaunan untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dengan hak tuntutan balik". Garis panduan ini, yang berkuat kuasa pada 1 September 2001, mengubah cara pembelian aset dengan hak tuntutan balik ini diambil kira dan ianya dinyatakan sebagai urus niaga pembiayaan dan bukannya sebagai jualan aset di dalam penyata kewangan institusi kewangan.

Sehubungan dengan itu, Syarikat telah mengklasifikasikan jumlah yang dahulunya dikenali sebagai "Pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan" sebagai "Jumlah terhutang dari rakan niaga". Pengklasifikasian ini tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan Syarikat.



(b) Jumlah terhutang dari rakan niaga (sambungan)

Lembaga Pengarah telah mendapatkan nasihat guaman yang menyatakan bahawa pengklasifikasian ini tidak akan menyebabkan pembelian aset berkenaan dikategorikan sebagai urus niaga pembiayaan. Syarikat dan rakan niaga kepada urus niaga tersebut masih menganggap urus niaga berkenaan sebagai urusan jual beli. Oleh itu, Syarikat dan rakan niaganya sedang di dalam proses untuk melaksanakan Perjanjian Tambahan yang menyatakan bahawa sebarang pengklasifikasian semula perakaunan dibuat hanya untuk memenuhi konvensyen perakaunan dan/atau untuk mematuhi arahan pihak berkuasa dan ianya tidak mencerminkan atau mengubah tujuan pihak yang terbabit untuk menjalankan urusan jualan dalam erti kata yang sebenar.

Pada tarikh kunci kira-kira, jumlah terhutang dari rakan niaga berkaitan dengan pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan adalah dinyatakan pada baki pokok yang belum dibayar kepada Syarikat. Pendapatan faedah atas jumlah terhutang dari rakan niaga dikira menurut asas akruan pada kadar faedah masing-masing mengikut baki setiap bulan.

(c) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti hutang korporat jangka panjang yang dijangka akan dipegang sehingga matang, dinyatakan pada kos selepas pelunasan premium atau pertambahan diskaun dari tarikh beli sehingga sekuriti tersebut matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan-pelaburan lain yang dijangka dipegang untuk tempoh yang pendek dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah dan dimasukkan dalam aset semasa.

(d) Aset tetap dan susut nilai

Aset tetap dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai dikira menurut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset-aset itu sepanjang jangkaan hayat guna aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	20%
Kenderaan bermotor	20%
Perabut dan kelengkapan	10%

(e) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan faedah dikira menurut asas akruan. Bagi operasi secara Islam, pendapatan diambil kira mengikut kaedah perakaunan tunai selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Penerimaan terdahulu adalah dianggap sebagai liabiliti dalam kunci kira-kira.

(f) Premium dan diskaun ke atas bon pembawa tidak bercagar terbitan Syarikat

Premium ke atas bon pembawa tidak bercagar merupakan lebih harga terbitan ke atas nilai penebusan bon berkenaan yang ditambah kepada penyata pendapatan secara sama rata mengikut jangka hayat bon tersebut. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon berkenaan, perbezaan berkenaan iaitu diskaun dilunas kepada penyata pendapatan secara sama rata mengikut jangka hayat bon tersebut.

(g) Diskaun ke atas nota pembawa tidak bercagar terbitan Syarikat

Diskaun ke atas nota pembawa tidak bercagar merupakan lebih nilai penebusan ke atas harga terbitan nota berkenaan dan dilunas kepada penyata pendapatan secara sama rata mengikut jangka hayat nota tersebut.

(h) Cukai tertunda

Peruntukan dibuat menggunakan kaedah liabiliti bagi cukai tertunda atas kesemua perbezaan masa yang matan kecuali jika terdapat bukti yang munasabah di mana perbezaan masa ini tidak akan berubah dalam jangka masa terdekat.

(i) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai dan baki di bank dan institusi kewangan yang lain dan pelaburan jangka pendek di dalam pasaran wang yang akan matang dalam tempoh tiga bulan.

(j) Swap kadar faedah

Swap kadar faedah digunakan sebagai alat pelindungan nilai untuk menyokong terbitan bon berkadar tetap untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji pada kadar terapung. Dengan mengikat kontrak swap kadar faedah, Syarikat dilindungi dari pergerakan kadar faedah kerana Syarikat membayar kadar terapung yang diterima dari pembelian pada kadar terapung tersebut dan menerima bayaran berkadar tetap dari rakan niaga swap. Bayaran berkadar tetap ini akan digunakan untuk membayar faedah ke atas terbitan bon berkadar tetap. Sebarang perbezaan yang akan dibayar atau diterima di atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai salah satu komponen perbelanjaan faedah atau pendapatan faedah di sepanjang tempoh perjanjian. Kerugian atau laba yang disebabkan oleh penamatan awal kontrak swap kadar faedah akan diambil kira di dalam penyata pendapatan.

3 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	2001 RM'000	2000 RM'000
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan yang lain	125	419
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan	304,550	52,960
Wang panggilan Mudharabah dan deposit matang dalam tempoh sebulan	1,310	6,564
	305,985	59,943

4 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Syarikat kewangan berlesen	6,740	-
----------------------------	-------	---

5 JUMLAH TERHUTANG DARI RAKAN NIAGA

Berkaitan dengan:		
Pinjaman perumahan	15,308,773	17,803,417
Pinjaman harta perindustrian	376,908	550,174
Hutang sewa beli dan pemajakan	6,437,105	3,843,925
	22,122,786	22,197,515

Struktur kematangan jumlah terhutang dari rakan niaga adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	6,139,879	6,504,309
Setahun hingga tiga tahun	11,895,891	12,731,948
Tiga tahun hingga lima tahun	3,255,905	2,896,247
Lebih daripada lima tahun	831,111	65,011
	22,122,786	22,197,515



6 SEKURITI PELABURAN

	2001 RM'000	2000 RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	34,806	34,806
Terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia	-	1,038
Sekuriti hutang secara Islam	114,164	114,164
	148,970	150,008
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun	15,571	10,328
	164,541	160,336
 (a) Nilai pasaran sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	36,531	35,142
Terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia	-	1,039
Sekuriti hutang secara Islam	170,600	134,622
	207,131	170,803
 (b) Struktur kematangan sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:		
Setahun hingga tiga tahun	-	1,038
Tiga tahun hingga lima tahun	34,806	-
Lebih daripada lima tahun	114,164	148,970
	148,970	150,008
 7 HUTANG PEMBIAYAAN SECARA ISLAM		
Hutang pembiayaan rumah secara Islam	142,954	212,966
Struktur kematangan hutang pembiayaan secara Islam adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	5,669	64,861
Setahun hingga tiga tahun	133,934	412
Tiga tahun hingga lima tahun	3,351	147,693
	142,954	212,966

8 ASET-ASET LAIN

	2001 RM'000	2000 RM'000
Faedah terakru belum diterima	43,006	49,125
Penghutang lain, deposit dan bayaran terdahulu	3,471	2,917
Cukai boleh terima	19,559	7,364
	66,036	59,406

9 ASET TETAP

	Baki pada 1.1.2001 RM'000	Pertambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Baki pada 31.12.2001 RM'000
2001				
Kos				
Peralatan pejabat	3,319	748	(81)	3,986
Perabut dan kelengkapan	479	82	(5)	556
Kenderaan bermotor	658	215	(164)	709
	4,456	1,045	(250)	5,251
Susut nilai terkumpul				
Peralatan pejabat	1,751	443	(80)	2,114
Perabut dan kelengkapan	146	69	(5)	210
Kenderaan bermotor	343	105	(149)	299
	2,240	617	(234)	2,623
Nilai buku bersih				
Peralatan pejabat				1,872
Perabut dan kelengkapan				346
Kenderaan bermotor				410
				2,628



9 ASET TETAP (SAMBUNGAN)

	Baki pada 1.1.2000 RM'000	Pertambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Baki pada 31.12.2000 RM'000
2000				
Kos				
Peralatan pejabat	3,046	273	-	3,319
Perabut dan kelengkapan	485	195	(201)	479
Kenderaan bermotor	664	196	(202)	658
	4,195	664	(403)	4,456
Susut nilai terkumpul				
Peralatan pejabat	1,397	354	-	1,751
Perabut dan kelengkapan	317	30	(201)	146
Kenderaan bermotor	400	119	(176)	343
	2,114	503	(377)	2,240
Nilai buku bersih				
Peralatan pejabat				1,568
Perabut dan kelengkapan				333
Kenderaan bermotor				315
				2,216

10 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERKAGAR

	Tahun Matang	2001		2000	
		Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Efektif %	Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Efektif %
Bon Berkadar Tetap	2001	-	-	5,245,000	4.009 - 9.671
	2002	5,367,000	4.023 - 8.979	5,367,000	4.023 - 8.979
	2003	5,152,000	3.131 - 4.894	4,299,000	3.983 - 4.894
	2004	4,602,000	3.133 - 6.054	1,087,000	5.054 - 6.054
	2005	1,710,000	3.690 - 5.449	1,100,000	5.302 - 5.449
	2006	1,102,000	3.311 - 3.875	-	-
	2007	130,000	4.351	-	-
	2011	220,000	3.912	-	-
		18,283,000		17,098,000	
Campur: Premium belum tambah		7,805		6,852	
Tolak: Diskaun belum lunas		(12,320)		(11,605)	
		18,278,485		17,093,247	
Sanadat Mudharabah Cagamas	2001	-	-	70,000	-
	2004	144,000	-	144,000	-
			144,000		214,000
Nota Jangka Pendek	2001	-	-	4,167,000	2.943 - 3.595
	2002	3,110,000	2.738 - 3.022	-	-
		3,110,000		4,167,000	
Tolak: Diskaun belum lunas		(15,974)		(32,228)	
		3,094,026		4,134,772	
Bon dan nota pembawa tidak bercagar		21,516,511		21,442,019	



10 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERKAGAR (SAMBUNGAN)

	2001 RM'000	2000 RM'000
Struktur kematangan bon dan nota pembawa tidak berkagar adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	8,461,593	9,449,772
Setahun hingga tiga tahun	9,898,818	9,666,375
Tiga tahun hingga lima tahun	2,806,102	2,325,872
Lebih daripada lima tahun	349,998	-
	21,516,511	21,442,019

Bon dan nota ini boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh-tarikh pembayaran balik, melainkan jika ia telah ditebus sebelumnya, bersama-sama dengan faedah terakru (jika ada) kecuali Sanadat Mudharabah Cagamas yang menurut nisbah perkongsian untung dan boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh pembayaran balik melainkan jika berlaku penghausan nilai pokok.

11 CUKAI TERTUNDA

	2001 RM'000	2000 RM'000
Baki pada awal tahun	3,074	-
Pindahan dari penyata pendapatan (Nota 20)	1,746	3,074
Baki pada akhir tahun	4,820	3,074
Cukai tertunda adalah terdiri daripada yang berikut:		
Lebihan elaun modal daripada susut nilai ke atas aset tetap	460	30
Perbezaan masa berkaitan dengan pertambahan diskaun dan pelunasan premium sekuriti pelaburan	4,360	3,044
	4,820	3,074

12 LIABILITI-LIABILITI LAIN

Zakat	77	130
Faedah terakru ke atas bon dan nota	252,093	298,768
Belum bayar lain	2,357	1,785
	254,527	300,683

13 MODAL SYER

	2001 RM'000	2000 RM'000
Syer biasa RM1 setiap satu:		
Dibenarkan:		
Baki pada awal tahun	500,000	200,000
Ditambah sepanjang tahun	-	300,000
Baki pada akhir tahun	500,000	500,000
Diterbitkan dan berbayar sepenuhnya:		
Baki pada awal tahun	150,000	100,000
Diterbitkan sepanjang tahun:		
Terbitan bonus (2000: 50,000,000 biasa syer RM1 setiap satu)	-	50,000
Baki pada akhir tahun	150,000	150,000
14 RIZAB		
Rizab am	-	528,160
Perolehan tertahan	885,812	268,446
	885,812	796,606

Di dalam tahun ini, para pengarah telah meluluskan resolusi untuk tidak meneruskan penggunaan rizab am dan telah memindahkan baki rizab am tersebut ke perolehan tertahan. Kedua-dua rizab ini boleh diagihkan.

15 PENDAPATAN FAEDAH

	2001 RM'000	2000 RM'000
Jumlah terhutang dari rakan niaga berkaitan dengan:		
Pinjaman gadai janji	848,029	1,093,141
Hutang sewa beli dan pemajakan	265,699	169,034
Sekuriti pelaburan	2,580	2,580
Instrumen pasaran wang	1,617	3,567
Swap kadar faedah (Nota 25)	12,296	9,502
Lain-lain	80	60
	1,130,301	1,277,884
Pelunasan premium	247	(298)
Faedah bersih digantung	-	(7)
	1,130,548	1,277,579



16 PERBELANJAAN FAEDAH

	2001 RM'000	2000 RM'000
Bon pembawa tidak bercagar	849,687	902,895
Nota pembawa tidak bercagar	108,210	175,933
Jumlah terhutang kepada institusi kewangan berlesen	5,769	5,654
	963,666	1,084,482

17 PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

Pendapatan pelaburan:		
Pendapatan dari sekuriti hutang secara Islam	4,996	11,171
Pendapatan lain:		
Pendapatan bukan kendalian lain	44	50
Laba ke atas pelupusan aset tetap	90	95
	5,130	11,316

18 UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT

Butiran berikut telah diambil kira dalam pengiraan untung sebelum cukai dan zakat:

Ganjaran Pengarah (Nota 19)	92	84
Sewa ruang pejabat	526	572
Sewa peralatan	78	89
Ganjaran juruaudit	40	36
Susut nilai	617	503

19 GANJARAN PENGARAH

Bentuk ganjaran secara agregat bagi semua Pengarah yang diambil kira ke dalam untung untuk tahun ini adalah seperti berikut:

Bayaran fi	55	53
Ganjaran lain	37	31
	92	84

20 CUKAI

	2001 RM'000	2000 RM'000
Cukai semasa	44,883	53,000
Cukai tertunda (Nota 11)	1,746	3,074
	46,629	56,074

21 ASET KETARA BERSIH DAN PENDAPATAN SESYER

Aset ketara bersih sesyer dikira dengan membahagikan aset ketara bersih berjumlah RM1,035,812,000 (2000: RM946,606,000) dengan 150,000,000 syer Syarikat dalam terbitan.

Pendapatan sesyer dikira dengan membahagikan untung bersih bagi tahun kewangan ini berjumlah RM118,366,000 (2000: RM141,741,000) dengan 150,000,000 syer Syarikat dalam terbitan.

22 DIVIDEN

Dividen yang dibayar atau dicadangkan adalah seperti berikut:

	2001		2000	
	Kasar sesyer Sen	Jumlah dividen bersih dari cukai RM'000	Kasar sesyer Sen	Jumlah dividen bersih dari cukai RM'000
Dividen interim dibayar	10	10,800	5	5,400
Dividen akhir dicadangkan	10	10,800	17	18,360
	20	21,600	22	23,760

Dividen kasar akhir sebanyak 10 sen sesyer (2000: 17 sen sesyer) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 berjumlah RM10,800,000 (2000: RM18,360,000) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada 27 Mac 2002. Penyata kewangan ini tidak memperlihatkan dividen akhir ini yang akan diambil kira di dalam ekuiti pemegang syer sebagai pengagihan perolehan tertahan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 apabila diluluskan oleh para pemegang syer.

23 KOMITMEN MODAL

	2001 RM'000	2000 RM'000
Perbelanjaan modal:		
Dibenarkan dan diikat janji	165	36
Dibenarkan tetapi tidak diikat janji	65	8
	230	64
Dianalisis seperti berikut:		
Aset tetap	230	64

24 KOMITMEN PAJAKAN

Syarikat mempunyai komitmen pajakan berkaitan dengan sewaan ruang pejabat dan sewaan peralatan yang kesemuanya adalah pajakan kendalian. Ringkasan bagi komitmen jangka panjang yang tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

Tahun	RM'000
2002	604
2003	210
	814

25 SWAP KADAR FAEDAH

Syarikat telah mengikat kontrak swap kadar faedah yang membolehkannya menerima faedah pada kadar tetap di atas jumlah pokok nosional dan mengkehendakinya membayar faedah pada kadar terapung di atas jumlah yang sama. Mengikut kontrak swap kadar faedah berkenaan, Syarikat telah bersetuju dengan rakan niaga swap untuk menukar perbezaan di antara faedah berkadar tetap dan faedah berkadar terapung yang dikira berdasarkan jumlah pokok nosional yang dipersetujui pada setiap suku tahun.

Tempoh dan jumlah pokok nosional bagi swap kadar faedah belum jelas pada tarikh kunci kira-kira adalah:

	2001 RM'000	2000 RM'000
Setahun hingga tiga tahun	881,000	614,000

26 KECUKUPAN MODAL

	2001 RM'000	2000 RM'000
Nisbah kecukupan modal adalah seperti berikut:		
Modal berbayar	150,000	150,000
Rizab-rizab lain	885,812	796,606
Modal Tahap 1	1,035,812	946,606
Jumlah modal asas	1,035,812	946,606
Nisbah modal:		
Nisbah modal utama	24.2%	22.4%
Nisbah modal berwajaran risiko	24.2%	22.4%
Pecahan bagi aset berwajaran risiko berdasarkan berbagai kategori berwajaran risiko adalah seperti berikut:		
0%	1,662,339	2,337,024
20%	21,020,390	19,865,744
50%	103,282	477,117
100%	25,659	12,497
	22,811,670	22,692,382
Jumlah aset berwajaran risiko	4,281,378	4,224,204

Pengiraan nisbah kecukupan modal di atas dibuat berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada institusi perbankan. Walaupun Syarikat tidak diwajibkan untuk mematuhi garis panduan tersebut, makluman tentang nisbah kecukupan modal berkenaan telah dibuat secara sukarela untuk penerangan.

27 OPERASI SECARA ISLAM**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2001**

	Nota	2001 RM'000	2000 RM'000
ASET			
Tunai dan dana jangka pendek	(a)	1,319	6,568
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	(b)	6,740	-
Sekuriti pelaburan	(c)	-	1,038
Hutang pembiayaan secara Islam	(d)	142,954	212,966
Aset-aset lain		43	-
JUMLAH ASET		151,056	220,572
LIABILITI			
Bon pembawa tidak bercagar	(e)	144,000	214,000
Liabiliti-liabiliti lain	(f)	665	713
JUMLAH LIABILITI		144,665	214,713
DANA OPERASI SECARA ISLAM	(g)	6,391	5,859
JUMLAH LIABILITI DAN DANA OPERASI SECARA ISLAM		151,056	220,572
PENYATA PENDAPATAN			
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001			
PENDAPATAN BERSIH	(h)	681	589
PERBELANJAAN OVERHED	(i)	-	(14)
UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT		681	575
CUKAI		(170)	(125)
ZAKAT		(77)	(130)
UNTUNG BERSIH UNTUK TAHUN INI		434	320
PEROLEHAN TERTAHAN DIBAWA KE HADAPAN		1,942	1,622
PEROLEHAN TERTAHAN DIHANTAR KE HADAPAN		2,376	1,942

27 OPERASI SECARA ISLAM (SAMBUNGAN)**(a) TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK**

	2001 RM'000	2000 RM'000
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan yang lain	9	4
Wang panggilan Mudharabah dan deposit matang dalam tempoh sebulan	1,310	6,564
	1,319	6,568

(b) DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Syarikat kewangan berlesen	6,740	-
----------------------------	-------	---

(c) SEKURITI PELABURAN

Terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia	-	1,038
--------------------------------------	---	-------

Struktur kematangan sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:

Setahun hingga tiga tahun	-	1,038
---------------------------	---	-------

(d) HUTANG PEMBIAYAAN SECARA ISLAM

Hutang pembiayaan rumah secara Islam	142,954	212,966
--------------------------------------	---------	---------

Struktur kematangan hutang pembiayaan secara Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	5,669	64,861
Setahun hingga tiga tahun	133,934	412
Tiga tahun hingga lima tahun	3,351	147,693
	142,954	212,966

27 OPERASI SECARA ISLAM (SAMBUNGAN)**(e) BON PEMBAWA TIDAK BERCAGAR**

	2001 RM'000	2000 RM'000
Sanadat Mudharabah Cagamas	144,000	214,000
Struktur kematangan bon pembawa tidak bercagar adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	-	70,000
Tiga tahun hingga lima tahun	144,000	144,000
	144,000	214,000
(f) LIABILITI-LIABILITI LAIN		
Zakat	77	130
Liabiliti-liabiliti lain	588	583
	665	713
(g) DANA OPERASI SECARA ISLAM		
Dana modal yang diuntukkan	4,015	3,917
Perolehan tertahan	2,376	1,942
	6,391	5,859
(h) PENDAPATAN BERSIH		
Pendapatan dari operasi secara Islam	10,620	9,818
Pendapatan yang boleh diagihkan kepada para pemegang bon	(9,939)	(9,229)
Pendapatan yang boleh diagihkan kepada para pemegang syer	681	589

27 OPERASI SECARA ISLAM (SAMBUNGAN)**(h) PENDAPATAN BERSIH (SAMBUNGAN)**


Butir-butir berhubung dengan pendapatan dari operasi secara Islam adalah seperti berikut:

	Dana Pemegang Bon RM'000	Dana Operasi Secara Islam RM'000
2001		
Pendapatan dari hutang pembiayaan secara Islam	9,714	626
Pendapatan dari sekuriti pelaburan	225	55
	9,939	681
2000		
Pendapatan dari hutang pembiayaan secara Islam	8,994	504
Pendapatan dari sekuriti pelaburan	235	85
	9,229	589
(i) PERBELANJAAN OVERHED		
	2001 RM'000	2000 RM'000
Perbelanjaan pentadbiran dan am	-	14

PENYATA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Azman Hashim, dua orang daripada para Pengarah Cagamas Berhad, menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 92 ke 113 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2001 dan hasil-hasil perniagaan Syarikat serta perubahan dalam kedudukan kewangan bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawai perakaunan yang berkaitan yang diluluskan di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 1 Mac 2002.



ZETI AKHTAR AZIZ
PENGERUSI



AZMAN HASHIM
PENGARAH

AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Ahmad Fakar Abdul Ghaffar, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Cagamas Berhad dengan sesungguhnya dan dengan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 92 ke 113 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.



AHMAD FAKAR ABDUL GHAFFAR

Ditandatangani dan diakui oleh Ahmad Fakar Abdul Ghaffar penama yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam Malaysia pada 1 Mac 2002 di hadapan saya.



LIANG HIEN TIEN
PESURUHJAYA SUMPAAH

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI CAGAMAS BERHAD (No. Syarikat: 157931-A)

Kami telah mengaudit akaun yang dibentangkan dari muka surat 92 ke 113. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan tersebut berasaskan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami berdasarkan piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawai ini memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mendapatkan kepastian yang munasabah tentang sama ada penyata kewangan tersebut bebas dari kenyataan mengelirukan yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berasaskan ujian, bukti yang menyokong amaun dan pernyataan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian tentang pembentangan penyata kewangan pada keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang sebenar dan saksama mengenai:
 - (i) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang dibentangkan di dalam penyata kewangan; dan
 - (ii) kedudukan Syarikat ini pada 31 Disember 2001 dan keputusan-keputusan serta aliran tunai Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;

dan

- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain termasuk daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta itu.



PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)

Akauntan Bertauliah



DATO' AHMAD JOHAN BIN MOHAMMAD RASLAN

(No. 1867/9/02(J))

Rakan dalam firma

1 Mac 2002



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.